

26 NOV 2002
Australia-Mahathir/I
DR M TERSILAP, KATA LIDAH PENGARANG

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 26 Nov (Bernama) -- Komen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Australia lebih akrab dengan Amerika Syarikat adalah andaian beliau sendiri, menurut lidah pengarang akhbar "The Australian" hari ini.

Di bawah tajuk "Mahathir silap, lagi", akhbar harian milik jutawan Rupert Murdoch itu mengulas komen beliau juga "satu cara sinis Dr Mahathir mengambil kesempatan daripada rasa takut umat Islam di negeri sendiri mengenai kuasa Amerika, dan meneruskan kempen beliau 'Asia untuk Orang Asia' dan Australia di luar forum serantau seperti Asean".

Menurut lidah pengarang itu lagi, "tidak diragui yang Dr Mahathir mahu mempertingkatkan lagi sokongan bagi pentadbiran autokratik beliau".

"Bagaimanapun, adalah mengecewakan bagi seseorang yang telah bekerjasama dalam menyiasat pelampau Islam di buminya sendiri mengasingkan Australia daripada Asia Tenggara hanya kerana kita lebih akrab dengan Amerika Syarikat.

"Dakwaan Dr Mahathir amaran lawatan yang kita pertingkatkan adalah tidak adil dan tidak munasabah. Rakyat Australia terbunuh di Bali, begitu juga ramai warga Asia, khususnya penduduk Bali. Semua orang di rantau kita diancam oleh keganasan.

"Realiti yang menakutkan ini tidak menghalang beberapa elit politik Asia mengambil kesempatan daripada publisiti buruk yang diterima Australia di Asia Tenggara berhubung insiden tindakan ASIO (Pertubuhan Risikan Keselamatan Australia) terhadap orang-orang yang mempunyai hubungan bersama Jemaah Islamiah."

Akhbar itu berkata "kata-kata gopoh" Dr Mahathir dan Presiden Megawati Sukarnoputri yang 'senyap' dalam meredakan sentimen anti-Australia dan teori konspirasi yang bangkitkan oleh pemimpin-pemimpin Islam sederhana kesemuanya menunjukkan perlunya penglibatan yang lebih dekat di rantau itu.

-- BERNAMA

NDC AHH PR